

04/03/2000

Indonesia boleh pelajari pengalaman Malaysia

PRESIDEN Gus Dur mempelawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan tinjauan ke Indonesia. Surat jemputan disampaikan sendiri oleh Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab. Biasanya jemputan seumpama ini diselenggarakan melalui kementerian masing-masing tetapi dalam hal ini surat undangan itu disampaikan sendiri oleh Menteri Luar Indonesia. "Ini jelas menunjukkan betapa rapatnya perhubungan kedua-dua negara kita", kata Shihab. Beliau menambah Indonesia memang menunggu kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir.

Indonesia berharap lawatan Dr Mahathir akan memungkinnya membuat penilaian terhadap pertolongan yang diperlukan oleh Indonesia untuk mempercepat pemulihan ekonominya.

Alwi Shihab berkata lawatan Dr Mahathir ke Indonesia nanti akan berupa susulan kepada lawatan Gus Dur ke Malaysia November lalu. Dia menambah Indonesia menganggap lebih penting lawatan Mahathir sekarang yang mengandungi erti lebih besar kerana Mahathir telah mendapat mandat baru daripada rakyat Malaysia. Menteri Luar Indonesia itu berkata negaranya ingin belajar daripada pengalaman Malaysia untuk mengatasi krisis ekonominya.

Lawatan Dr Mahathir ke Indonesia menanggung erti yang besar dalam makna lawatan itu khusus untuk meninjau masalah ekonomi negara itu serta mengemukakan saranan bagaimana masalah itu dapat di atasi.

Indonesia telah menerima bantuan IMF. Akibat keputusan itu mulailah Indonesia menjadi kucar-kacir dengan rakyatnya yang memang telah sedia miskin menjadi morat-marit. Kejatuhan Suharto hanya satu peristiwa sampingan yang kecil saja sebagai akibat keputusan Indonesia menerima ubat yang disadur oleh IMF. Lebih teruk daripada itu ialah dari saat itu bermulalah malapetaka demi malapetaka menimpa negara itu. Indonesia semakin terjebak dalam siasat kuasa-kuasa Barat terutama Amerika Syarikat hingga kini tidaklah silap untuk mengatakan bahawa Washington yang menetapkan hala dan arah yang harus dituju oleh Indonesia untuk mencorakkan masa depannya.

Presiden Abdurrahman Wahid sendiri mengakui betapa dia merasakan tekanan daripada kuasa besar dalam masa perjalanannya keluar negara baru-baru ini. Gus Dur terpaksa bertindak ke atas Jeneral Wiranto tetapi lebih daripada itu Presiden telah bertanggungjawab memulakan proses melumpuhkan pengaruh dan kekuatan TNI sebagai satu tenaga politik di Indonesia. Dia telah menerima pujian Washington sebaik saja dia bertindak secara muktamad ke atas Wiranto. Presiden Abdurrahman Wahid kini terpaksa merujuk kepada kekuatan parti-parti politik Indonesia tetapi kita dapat melihat parti politik negara itu sendiri dalam keadaan kucar-kacir.

Tetapi setakat mana dapat Malaysia membantu? Malaysia pasti akan membantu seberapa dayanya. Apa lagi kita mengerti dan menyedari siapa sebenarnya yang bertanggungjawab maka Indonesia kini menjadi morat-marit.

Indonesia memang banyak dapat mempelajari daripada pengalaman Malaysia terutama sekali sebab-musabab Malaysia menolak bantuan IMF. Pengalaman Malaysia terutama cara dan langkah-langkah kita mengatasi krisis ekonomi yang melanda kita dan rantau ini amat penting dikongsikan bersama dengan negara membangun yang lain.

Malaysia bukan sebuah negara besar tetapi kita mempunyai banyak pengalaman membantu ekonomi negara. Ketika kegawatan ekonomi di Indonesia tempoh hari terdengar suara kalangan berpengaruh bertanya mengapa di

Indonesia tidak dilaksanakan satu program ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru yang kemudiannya berjaya melahirkan satu golongan menengah Bumiputera di negara ini?

Sedangkan di Indonesia kelas menengahnya sangat rapuh sekali tanpa mampu memainkan peranan sebagai benteng yang melindungi rakyat pribumi daripada akibat kegawatan ekonomi.

(END)